

Headline	AURA KETENANGAN		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Sep 2017	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	179,231
Page No	1,4,5	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	2293 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 90,330
Frequency	Daily	PR Value	RM 270,991



Headline	AURA KETENANGAN		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Sep 2017	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	179,231
Page No	1,4,5	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	2293 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 90,330
Frequency	Daily	PR Value	RM 270,991

Pagaran antara elemen membentuk 'mood' sesuatu kawasan lebih privasi



Dari segi latar landskap dalam konsep moden kontemporari ini, beberapa peringkat pembangunan landskap dilalui

**MD SUHILMI**



Hartini Mohd Nawil  
hartini@hmetro.com.my

Saujana indah landskap dengan panorama hijau, warna daun dan bunga-bungaan bagaikan mercu tanda terhebat yang menjatuhkan sejarah sepanjang masa tidak kira siang atau malam.

Idea menzahirkan landskap santuari juga mampu membuatkan persekitaran kekal indah ibarat pusat perlindungan taman.

Pelengkapnya adalah pokok renek dan pohon pagaran yang mempunyai peranan tersendiri menzahirkan suasana semula jadi serta sedap mata memandang.

Selainnya ia kurang daripada 0.5 hingga 0.6 meter tinggi mengikut jenis setiap spesies dan cara cantasan dijalankan.

Pada kebiasaannya, pokok renek berbunga paling digemari kerana bunganya bukan saja mempunyai warna yang menarik malah bentuknya juga pelbagai.

Tidak ketinggalan pokok renek yang mempunyai daun beraneka warna boleh memberikan kesan sama seperti pokok renek berbunga.

Sementara pokok renek berdaun hijau pula biasanya digunakan dalam landskap sebagai tanaman asas

kerana warna utamanya yang 'penuh'.

Ini dapat dilihat dalam landskap yang menggunakan pokok renek berdaun hijau sebagai tanaman sempadan mengelilingi tanaman gabungan untuk kesempurnaan.

Selain pokok renek, pokok pagaran juga antara yang menambahkan aura ketenangan di taman.

Digunakan sebagai penanda persepadaman atau tepian kawasan, pagaran antara elemen landskap yang membentuk 'mood' sesuatu kawasan lebih privasi.

#### LANDSKAP ECO SANTUARY

Pencipta landskap dan keindahan alam semula jadi juga pasti teruja sebaik berada dalam suasana yang srat dengan terapi ini.

Nyata, seribu satu cerita landskap sebaik memperkatakan keunikan Eco Santuary yang terletak di Telok Panglima Garang, Selangor Inl.

Dari jauh, sudah kelihatan latar indah landskap santuari yang berkONSEP moden kontemporari itu membuatkan lokasi pembangunan perumahan eksklusif membabitkan kediaman dan komersial itu benar-benar menarik.

Cuaca baik sepanjang

## ■ LANDSKAP SANTUARI IBARAT PUSAT PERLINDUNGAN TAMAN



Headline	AURA KETENANGAN		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Sep 2017	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	179,231
Page No	1,4,5	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	2293 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 90,330
Frequency	Daily	PR Value	RM 270,991



temu bual, memudahkan keindahan landskap santuari itu dirakam jurugambar.

Menurut Pengurus Besar Kanan, Kumpulan Landskap EcoWorld (Group Landscape EcoWorld) Md Suhilmi Ismail sebelum bermulanya proses pembangunan, kajian teliti dilakukan supaya pokok asal di kawasan itu terus dikenalkan.

"Dari segi latar landskap dalam konsep moden kontemporari ini, beberapa peringkat pembangunan landskap dilalui.

"Tiada lain kecuali 95 peratus objektif untuk menampilkan suasana semula jadi dengan mengekalkan tanaman atau pokok asal di sini."

**"Kajian menyeluruh dilakukan dengan pelbagai proses dilalui termasuk analisis tapak, inventori, memindahkan pokok asal menggunakan kaedah 'Big Jon' selain mendapat kerjasama dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)." katanya ketika ditemui di Eco Santuary itu, Isnin lalu.**

Beliau turut ditemui dua Pengurus Kanan Landskap, Kumpulan Landskap EcoWorld (Group Landscape EcoWorld) Amir Sharifuddin Samsuddin dan Mohd Feyriyy Md Mohtar.

Md Suhilmi berkata

tidak hanya mengekalkan tanaman asal, malah landskap santuari dalam konsep moden kontemporari itu juga dirancang rapi reka letaknya.

"Laluan pejalan kaki dan tamannya diserikan dengan pelbagai jenis pokok renik dan pagaran.

"Pokok kemuning (Muraya paniculata), 'Tsaang-Guba' (Carmona retusa), Duranta (Duranta erecta 'Gold'), Loropetalum (Loropetalum chinense var rubrum), Indian Laurel Fig (Ficus nitida 'Gold'), kelat paya (Eugenia oleina) Mexican Blue Bells (Ruellia brittoniana) dan Viriegated Justicia (Justicia gendarussa 'Variegata' antara yang dijadikan tanaman pagaran," katanya.

Menariknya, tanaman itu menyerikan segenap penjurusan ruang di taman hingga kawasan kediaman dengan teknik serta bentuk pangkasan unik.

Ditambah dengan konsep keseluruhan pembangunan perbandaran bertemakan 'A Modern Day Sanctuary' Eco Santuary berada pada kelas tersendiri.

Apakah lagi dilengkapi dengan tujuh 'parcel' termasuk pembangunan kediaman di atas tanah, kondominium, apartmen, komersial dan pelbagai kemudahan lain.



1. MEXICAN Blue Bells menambahkan serasi.

2. MD SUHILMI (tengah) diapit Mohd Feyriyy (kiri) dan Amir Sharifuddin bergabung idea serta kepakaran landskap untuk Eco Santuary.

3. TERSEGAM indah gazebo putih untuk kemudahan anda beriadah bersama keluarga.

4. BINA kediaman eksklusif dan mewah dilengkapi riadah apabila berada dalam taman di Eco Santuary ini.

5. SAUJANA indah landskap melengkapkan riadah apabila berada dalam taman di Eco Santuary ini.

6. PEMBENTUKAN landskap dirancang rapi.

7. PEPOHON hijau ini dapat ditemui di kawasan luar berhampiran kediaman yang turut menempatkan ruang riadah.